



JAWATAN : **PENOLONG JURUUKUR BAHAN**
GREED : **JA5**
KUMPULAN PERKHIDMATAN : **PELAKSANA**
KLASIFIKASI PERKHIDMATAN : **KEJURUTERAAN**

JADUAL GAJI:

GAJI MINIMUM	GAJI MAKSIMUM	KADAR KENAIKAN GAJI TAHUNAN
RM 1,650.00	RM 6,620.00	RM145.00

ELAUN:

Imbuhan Tetap Khidmat Awam	: RM160.00
Imbuhan Tetap Perumahan	: RM300.00
Bayaran Imbuhan Sara Hidup	: RM350.00

SYARAT LANTIKAN:

- Calon bagi lantikan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut:
 - (i) Sijil Ukur Bahan yang diiktiraf oleh Kerajaan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.
(Gaji permulaan ialah pada Gred JA5: RM1,731.00); atau
 - (ii) Diploma Ukur Bahan yang diiktiraf oleh Kerajaan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.
(Gaji permulaan ialah pada Gred JA5: RM2,055.00); atau

SYARAT KELAYAKAN BAHASA MELAYU:

- Calon bagi lantikan hendaklah memiliki Kepujian (sekurang-kurangnya Gred C) dalam subjek Bahasa Melayu pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia/Sijil Vokasional Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.

TARAF JAWATAN : **TETAP/KONTRAK**
LOKASI : **UTM JOHOR BAHRU**

SYARAT TAMBAHAN:

- Memperoleh sekurang-kurangnya Gred C dalam mata pelajaran Bahasa Inggeris peringkat SPM/SPMV.
- Penguasaan Bahasa Inggeris yang baik. Boleh berbahasa dan menulis dalam bahasa Inggeris.
- Perokok Adalah Sangat Tidak Digalakkan Memohon.
- Sahsiah:
 - Mempunyai disiplin diri yang positif.

- ii. Berketerampilan baik dan kemas.
 - iii. Semangat kerja berpasukan dan kerjasama yang tinggi.
 - iv. Sentiasa fokus kepada tugas yang dipertanggungjawabkan.
 - v. Bersedia menerima beban tugas yang lebih mencabar.
 - vi. Komitmen kerja yang sangat tinggi.
 - vii. Berkemampuan melaksanakan tugas melebihi tugas hakiki.
 - viii. Berkemampuan bekerja dalam apa jua situasi (work under pressure).
 - ix. Bersedia melaksanakan tugas dengan penuh integriti, akauntabiliti dan ikhlas.
5. Mahir mengendalikan mesin dan alat pertukangan untuk kerja-kerja kayu dan besi.
 6. Mahir melaksanakan penyelenggaraan kecil sekiranya berlaku kerosakan kecil pada peralatan makmal
 7. Mahir dalam bidang teknikal terutama dalam memberi tunjuk ajar kepada pelajar sewaktu aktiviti makmal sedang berjalan
 8. Mahir dalam kerja konkrit (Gred bancuhan konkrit)
 9. Mahir berkomunikasi dwi bahasa di khalayak umum.

DESKRIPSI TUGAS

Bertanggungjawab mengendali pelaksanaan skop kerja ukur bahan berhubung pentadbiran kontrak dari peringkat pra dan pos kontrak termasuk membantu pelajar dan pensyarah menggunakan perisian komputer untuk penyediaan anggaran kos awal, membuat pengukuran kuantiti (taking off), menyediakan senarai kuantiti (BQ) dan dokumen tender dan kontrak, menyedia perakuan bayaran interim, menyedia arahan perubahan kerja, perakuan akaun dan bayaran muktamad, mengemas kini sijil-sijil dan perakuan yang berkaitan dan menjalankan tugas-tugas lain yang diarahkan dari semasa ke semasa.

CARA DAN PERATURAN PERMOHONAN:

1. Pemohon hendaklah membuat permohonan secara atas talian (online) dan melengkapkan semua maklumat termasuk memuat naik GAMBAR dan menjawab soalan Inventori Personaliti Staf Sokongan Baru (IPSB) melalui laman web UTM.
2. Bayaran RM20.00 dikenakan bagi satu (1) jawatan. Sila simpan resit bayaran sebagai bukti pembayaran.
3. Sila masukkan maklumat yang benar, lengkap dan tepat. Permohonan yang tidak lengkap tidak akan diproses.
4. Calon-calon yang layak selepas tapisan sahaja akan dipanggil untuk ditemu duga.
5. Salinan sijil-sijil akademik dan sijil berkaitan perlu DISAHKAN dan dibawa ketika sesi temu duga dijalankan. **(Pengesahan oleh Pegawai Kerajaan Gred 9 dan ke atas).**
6. Pemohon yang tidak menerima sebarang jawapan selepas tempoh (6) enam bulan dari tarikh tutup iklan hendaklah menganggap permohonan mereka tidak berjaya.
7. Pegawai yang sedang berkhidmat dalam Perkhidmatan Kerajaan/Badan-badan Berkanun/Kuasa Tempatan hendaklah mengemukakan surat sokongan Ketua Jabatan serta salinan Buku Perkhidmatan dan Laporan Penilaian Prestasi terkini melalui pos kepada:

Jabatan Pendaftar (Seksyen Perjawatan & Kenaikan Pangkat)
Bahagian Sumber Manusia,
Universiti Teknologi Malaysia,
81310 Johor Bahru